# Product Disclosure Sheet

**This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your investment linked takaful. Other customers have read this PDS and found it helpful; you should read it too.**

| | |
|---|---|
| Name of takaful operator | FWD Takaful Berhad ('FWDT') |
| Distributor | HSBC Amanah Malaysia Berhad, 200801006421 (807705-X) ('the Bank') |
| Product name | Takaful LifeSelect Single |
| Sum covered | RM500,000 |

Find out more:

## 1 What is Takaful LifeSelect Single?

Takaful LifeSelect Single is a single contribution investment-linked takaful plan that offers a combination of takaful protection and investment. This plan provides death, Total and Permanent Disability (TPD) and Critical Illness (CI) benefits. The coverage period is 69 years (*up to age 99 years old age last birthday (ALB)*).

Shariah concept applicable:
- Wakalah: The contract where the participant appoints FWDT to manage the Participants' Risk Fund (PRF) and the relevant participants' funds in accordance with Shariah principles. Participant agrees to remunerate FWDT on pre-agreed basis for the services provided.
- Tabarru': A donation for the purpose of takaful where participants agree to assist each other financially in case of certain defined needs.
- Ju'alah: This is the reward to FWDT for the good performance of the PRF and the relevant participants' funds it manages. For this plan, FWDT gets 50% of the distributable surplus from the PRF, and the other 50% goes to eligible participants.
- Qard: An interest-free loan by FWDT to the PRF if it is in deficit. The loan is repayable from the future surplus arising in the PRF.

## 2 Know Your Coverage/Benefits

| **As an illustration,** for **RM400,000.00** of single contribution, a 30-year-old (ALB) male from occupation class 1 will receive the following takaful **coverage/benefits:** | |
|---|---|
| Death benefit | ▪ The higher of the sum covered or account value in the Participants' Investment Fund[1] (PIF) is payable upon death. |
| TPD benefit | ▪ The higher of the sum covered or account value in the PIF is payable upon TPD.<br>▪ TPD coverage is up to certificate anniversary following the person's covered 65th birthday, or end of certificate term, whichever is earlier. |
| CI benefit | ▪ The higher of the sum covered or account value in PIF is payable, if you are diagnosed with any 1 of the 36 critical illnesses. |
| Maturity benefit | ▪ The value in the PIF is payable after the maturity date. |

[1] *The account value in the PIF shall be based on the unit price at the next valuation point.*

Note:
- For illustration purposes, the figures shown are based on the sum covered of RM500,000.
- Please refer to the certificate for further details on the benefits.

Your investment linked takaful excludes:
- Death benefit: Suicide within one year from certificate issue date or reinstatement date, whichever is later.
- TPD and CI benefit:
  - Any attempted suicide or self-inflicted injury/illness while sane or insane;
  - Participation in any dangerous or professional sporting activity or hobbies;
  - Travel in an aircraft, aerial conveyance or device except as a fare-paying passenger in a commercial aircraft licensed for passenger service on a scheduled flight over an established route;
  - Racing other than on foot;
  - Violation or attempted violation of any law resistance to arrest;
  - Services in armed forces in a war (whether declared or undeclared) or in respect of any orders for war-like operations or restoration of public order;
  - Riot, civil commotion, strike or terrorist activities; or
  - Wilful misuse of alcohol or taking of drugs other than under the direction of a Registered Medical Practitioner.
- CI benefit: Any illness, disease or disability that existed prior to the certificate issue date or reinstatement date, whichever is later.

Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the certificate for the full list of limitation and exclusions.

**If you have any questions or require assistance on your investment linked takaful, you can:**

| Call us at: | Visit us at: | Email us at: | Scan the QR code above for claim details |
|---|---|---|---|
| 1 300 13 7988 | https://www.fwd.com.my/ | contact.my@fwd.com | |

## 3 Know Your Obligations

| | |
|---|---|
| **For your investment linked takaful, you must pay contribution of:** | |
| Single contribution[1] | RM400,000.00. |
| Allocated contribution[2] | The allocated contribution is 95% or RM380,000.00. |
| **You also have to pay the following fees and charges:** | |
| Wakalah fee[3] | RM20,000.00 or 5% of your single contribution. |
| Commission | RM15,000.00 or 3.75% and part of wakalah fee. |
| Stamp duty | RM10 is charged one time upon certificate issuance in addition to your single contribution. |
| Tabarru' charge | This will be deducted monthly from your account value in the PIF. |
| Fund management wakalah charge | This is the charge to cover the cost of managing investment fund(s) and will be charged when the unit price is calculated. |
| Service wakalah fee | RM1.50 per month during the first certificate year to 5th certificate year. No service wakalah charge for 6th certificate year onwards. |
| Withdrawal charge | This charge applicable for any partial withdrawal or surrender made during the first four (4) certificate years. The withdrawal charge, as a percentage of the withdrawal or surrender amount, will be as follows: (see table below) *Withdrawal charges applicable in the first month of the respective certificate year and reduces linearly on monthly basis. For other months, the withdrawal charge reduces proportionately based on the following formula: **1.60% x [48 - number of completed months from Commencement Date] / 48** |

| First month of the Certificate Year | 1 | 2 | 3 | 4 | 5+ |
|---|---|---|---|---|---|
| **Withdrawal Charge* (% of withdrawal or surrender amount)** | 1.60% | 1.20% | 0.80% | 0.40% | Nil |

*[1] The contribution and certificate terms may vary depending on our underwriting requirement.*
*[2] Percentage of your contributions that are allocated towards the purchase of units of your preferred investment funds.*
*[3] Percentage of your contributions that are unallocated, used to pay our expenses and direct distribution costs, including commission to the Bank.*

Note:
- For illustration purposes, the figures shown are based on the sum covered of RM500,000.
- The tabarru' and other charges are based on current levels. These charges are not guaranteed and may be changed from time to time by giving 3 months' notice in writing to you. Please refer to the Benefit Illustration for further details.

## 4 Other Key Terms

- **Importance of disclosure:** You must disclose all material facts such as your health condition and state your age and gender correctly. Otherwise, you may risk having your claim rejected or certificate terminated.
- **Cash value:** The cash value of this product depends on the performance of your chosen fund(s).
- **Lapse:** Your certificate will lapse when your account value in the PIF is insufficient to pay the tabarru'. If your certificate lapse, you can reinstate your certificate within one year of it ending if we agree to it.

Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the certificate for the full list of the key terms and conditions.

## Can I cancel my certificate?

Yes, you may cancel your certificate by giving a written notice to us.

- **Free-look period:** If you are unsatisfied with your certificate within 15 days after you receive it, you can contact us to cancel it. We will refund wakalah fees, your account value in the PIF, tabarru' and service charge less any medical fee we have paid.
- **Surrender:** You can also cancel your certificate at any time after the free-look period. Your certificate will end and we will pay your account value in the PIF after deducting surrender charges (if any). You will not be able to reinstate (restart) your certificate after you cancel it.

**THIS IS A TAKAFUL PRODUCT THAT IS TIED TO THE PERFORMANCE OF UNDERLYING ASSETS, AND IS NOT A PURE INVESTMENT PRODUCT SUCH AS UNIT TRUSTS.**

PROTECTION BY PIDM ON BENEFITS PAYABLE FROM THE UNIT PORTION OF THIS PRODUCT IS SUBJECT TO LIMITATIONS. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact FWDT or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

SAMPLE

FWD takaful

## Appendix

### Definition of Total and Permanent Disability (TPD)

For a person covered under age 65 (ALB) when they first suffer an illness or injury:

TPD means the person covered has suffered the total and irrecoverable loss of:

- the sight of both eyes; or
- loses by amputation or loses the use of two (2) limbs at or above the wrist or ankle; or
- loses sight in one (1) eye and totally and irrecoverably loses by amputation or loses the use of one (1) limb at or above the wrist or ankle.

If the person covered is employed or engaged in any business or activity from which income, profits, commission or compensation is derived at the commencement of the TPD, the meaning of TPD includes the situation where the person covered becomes permanently and completely unable to engage in any work, occupation or profession for any compensation, remuneration, profit or gain for the remainder of his lifetime.

If the person covered is unemployed and unengaged in any business or activity from which income, profits, commission or compensation is derived at the commencement of the TPD, the meaning of TPD includes the situation where the person covered is unable to perform at least three (3) of the Activities of Daily Living for a continuous period of not less than six (6) months without the aid of another person, the use of mechanical equipment, special devices or other aids or adaptations.

For a person covered under age 15 (ALB) when they first suffer an illness or injury:

If the person covered is fifteen (15) years old or below at his last birthday at the commencement of the TPD, the meaning of TPD includes the situation where the person covered is totally and permanently disabled under constant care. Constant care shall mean the person covered, due to accident or sickness, has been rendered disabled to such an extent that he is required to be confined to a home, hospital or other institution in order to receive constant care and medical attention for a continuous period of not less than six (6) months.

For the purpose of this TPD definition, the word “permanent” means beyond the hope of recovery and verified by a qualified medical practitioner.

### Definition of Activities of Daily Living (ADLs)

1. **Transfer:** The ability to get in and out of a chair without requiring physical assistance.
2. **Mobility:** The ability to move from room to room without requiring physical assistance.
3. **Continence:** The ability to voluntarily control bowel and bladder functions such as to maintain personal hygiene.
4. **Dressing:** The ability to put on and take off all necessary items of clothing without requiring the assistance of another person.
5. **Bathing or washing:** The ability to wash in the bath or shower (including getting in or out of the bath or shower) or wash by any other means.
6. **Eating:** All tasks of getting food into the body once it has been prepared.

### Critical illness conditions

1. Heart attack
2. Alzheimer's disease or severe dementia
3. Apallic syndrome
4. Bacterial meningitis
5. Benign brain tumor
6. Blindness
7. Brain surgery
8. Cancer
9. Cardiomyopathy
10. Chronic aplastic anemia
11. Coma
12. Coronary artery disease
13. Deafness
14. Encephalitis
15. End-stage liver failure
16. End-stage lung disease
17. Fulminant viral hepatitis
18. Heart valve surgery
19. HIV infection due to blood transfusion
20. Kidney failure
21. Loss of independent existence
22. Loss of speech
23. Major head trauma
24. Major organ or bone marrow transplant
25. Medullary Cystic Disease
26. Motor neuron disease
27. Multiple sclerosis
28. Muscular dystrophy (after age 12 age next birthday)
29. Paralysis of limbs
30. Parkinson's disease
31. Poliomyelitis
32. Primary pulmonary arterial hypertension
33. Stroke
34. Surgery to aorta
35. Third degree burns
36. Terminal illness

SAMPLE

# Risalah Pemberitahuan Produk

**Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful berkaitan pelaburan anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga disarankan untuk membacanya.**

| | |
|---|---|
| Nama pengendali takaful | FWD Takaful Berhad ('FWDT') |
| Pengedar | HSBC Amanah Malaysia Berhad, 200801006421 (807705-X) ('Bank') |
| Nama produk | Takaful LifeSelect Single |
| Jumlah dilindungi | RM500,000 |

Ketahui lebih lanjut:

## 1 Apa itu Takaful LifeSelect Single?

Takaful Life Select Single adalah pelan takaful berkaitan pelaburan dengan bayaran sumbangan tunggal yang menawarkan gabungan perlindungan takaful dan pelaburan. Pelan ini menyediakan manfaat kematian, Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) dan penyakit kritikal. Tempoh perlindungan adalah 69 tahun (*sehingga umur 99 tahun (umur pada hari lahir terakhir)*).

Konsep Syariah yang diguna pakai:
- Wakalah: Kontrak yang mana peserta melantik FWDT untuk mengurus Dana Risiko Peserta (DRP) dan dana peserta yang berkaitan berlandaskan prinsip Syariah. Peserta bersetuju untuk memberi upah tertentu kepada FWDT seperti yang dipersetujui atas perkhidmatan yang diberikan.
- Tabarru': Derma untuk tujuan takaful yang mana para peserta bersetuju untuk membantu antara satu sama lain dari segi kewangan jika berlaku keadaan yang tertentu.
- Ju'alah: Ia adalah ganjaran kepada FWDT atas prestasi yang baik dalam pengurusan DRP dan dana peserta yang berkaitan. Bagi pelan ini, FWDT akan menerima 50% daripada lebihan DRP yang boleh diagihkan, dan baki 50% diberikan kepada peserta yang layak.
- Qard: Pinjaman tanpa faedah oleh FWDT kepada DRP sekiranya DRP mengalami defisit. Pinjaman tersebut akan dibayar balik daripada lebihan DRP di masa hadapan.

## 2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

| **Sebagai ilustrasi,** untuk sumbangan tunggal sebanyak **RM400,000.00,** seorang lelaki berumur 30 tahun (umur pada hari lahir terakhir) daripada kelas pekerjaan 1 akan menerima **perlindungan/manfaat** takaful berikut: | |
|---|---|
| Manfaat kematian | ▪ Jumlah dilindungi atau nilai akaun dalam Dana Pelaburan Peserta[1] (DPP), yang mana lebih tinggi, akan dibayar apabila kematian berlaku. |
| Manfaat HUPK | ▪ Jumlah dilindungi atau nilai akaun dalam DPP, yang mana lebih tinggi, akan dibayar apabila HUPK berlaku.<br>▪ Perlindungan HUPK adalah sehingga ulang tahun sijil, selepas ulang tahun kelahiran ke-65 orang dilindungi atau, tarikh tamat sijil, yang mana terdahulu. |
| Manfaat penyakit kritikal | ▪ Jumlah dilindungi atau nilai akaun dalam DPP, yang mana lebih tinggi, akan dibayar jika anda didiagnosis salah 1 daripada 36 penyakit kritikal. |
| Manfaat kematangan | ▪ Nilai dalam DPP akan dibayar selepas tarikh matang. |

*[1] Nilai akaun dalam DPP adalah bergantung pada harga unit pada titik penilaian yang berikutnya.*

Nota:
- Untuk tujuan ilustrasi, nilai yang ditunjukkan adalah berdasarkan jumlah dilindungi sebanyak RM500,000.
- Sila rujuk sijil untuk maklumat lanjut mengenai manfaat.

Takaful berkaitan pelaburan anda mengecualikan:
- Manfaat kematian: Bunuh diri dalam tempoh satu tahun dari tarikh sijil dikeluarkan atau penghidupan semula, yang mana kemudian.
- Manfaat HUPK dan penyakit kritikal:
  - Sebarang percubaan membunuh diri atau kecederaan/penyakit yang disengajakan sama ada waras atau tidak waras;
  - Pembabitan dalam sebarang aktiviti sukan profesional atau hobi-hobi yang merbahaya;
  - Perjalanan dengan menaiki kapal terbang, kenderaan atau peralatan udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam kapal terbang komersil berlesen untuk perkhidmatan pelanggan dengan jadual perjalanan yang tetap melalui jalan yang pasti;
  - Perlumbaan selain daripada berlari atau berjalan kaki;
  - Perlanggaran atau cubaan melanggar sebarang undang-undang atau menentang daripada ditangkap;
  - Perkhidmatan dalam angkatan tentera semasa peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan) atau berhubung dengan mana-mana perintah untuk operasi seperti peperangan atau pengembalian kepada ketenteraman awam;
  - Rusuhan, kekecohan awam, aktiviti-aktiviti mogok atau keganasan; atau
  - Penyalahgunaan alkohol atau pengambilan dadah secara sukarela selain daripada di bawah arahan Pengamal Perubatan Berdaftar.
- Manfaat penyakit kritikal: Sebarang keadaan, penyakit atau ketidakupayaan yang wujud sebelum tarikh sijil dikeluarkan atau penghidupan semula, yang mana kemudian.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk sijil untuk had dan pengecualian yang lengkap.

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai takaful berkaitan pelaburan anda, anda boleh:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hubungi kami di:<br>1 300 13 7988 | Layari laman web di:<br>https://www.fwd.com.my/ | E-mel kami melalui:<br>contact.my@fwd.com | Imbas kod QR di atas untuk melihat butiran tuntutan |



SAMPLE

## 3 Ketahui Tanggungjawab Anda

<table>
<tr><td colspan="2">Untuk takaful berkaitan pelaburan anda, anda harus membayar sumbangan sebanyak:</td></tr>
<tr><td>Sumbangan tunggal[1]</td><td>RM400,000.00</td></tr>
<tr><td>Sumbangan diperuntukkan[2]</td><td>Sumbangan diperuntukkan adalah 95% atau RM380,000.00.</td></tr>
<tr><td colspan="2">Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:</td></tr>
<tr><td>Yuran wakalah[3]</td><td>RM20,000.00 atau 5% daripada sumbangan tunggal.</td></tr>
<tr><td>Komisen</td><td>RM15,000.00 atau 3.75% daripada sumbangan tunggal.</td></tr>
<tr><td>Duti setem</td><td>RM10 akan dikenakan sekali sahaja semasa pengeluaran sijil bersama sumbangan tunggal anda.</td></tr>
<tr><td>Caj tabarru’</td><td>Caj ini akan ditolak setiap bulan daripada nilai akaun anda dalam DPP.</td></tr>
<tr><td>Caj wakalah pengurusan dana</td><td>Ini ialah caj untuk menampung kos pengurusan dana pelaburan dan akan dikenakan apabila harga unit dikira.</td></tr>
<tr><td>Caj wakalah perkhidmatan</td><td>RM 1.50 sebulan pada tahun pertama sijil sehingga tahun ke-5 sijil. Tiada caj wakalah perkhidmatan untuk tahun ke-6 dan seterusnya.</td></tr>
<tr><td>Caj pengeluaran</td><td>Caj pengeluaran dikenakan untuk pengeluaran sebahagian atau penyerahan dibuat dalam tempoh empat (4) tahun pertama sijil, berdasarkan peratus jumlah yang dikeluarkan seperti berikut:
<table>
<tr><th>Bulan pertama untuk Tahun Sijil</th><th>1</th><th>2</th><th>3</th><th>4</th><th>5+</th></tr>
<tr><td>Caj pengeluaran*<br>(% daripada jumlah pengeluaran)</td><td>1.60%</td><td>1.20%</td><td>0.80%</td><td>0.40%</td><td>Tiada</td></tr>
</table>
*Caj pengeluaran dikenakan pada bulan pertama setiap tahun sijil dan berkurang setiap bulan secara linear. Untuk bulan-bulan yang lain, caj pengeluaran akan berkurang berdasarkan formula berikut:<br>
1.60% x [48 - nombor bulan genap dari Tarikh Berkuatkuasa] / 48</td></tr>
</table>

*[1] Sumbangan dan terma sijil mungkin berbeza bergantung pada syarat pengunderaitan kami.*
*[2] Peratusan daripada sumbangan anda yang diperuntukkan untuk membeli unit dana pelaburan pilihan anda.*
*[3] Peratusan daripada sumbangan anda yang tidak diperuntukkan, digunakan untuk membayar perbelanjaan kami dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen kepada Bank.*

Nota:
- Untuk tujuan ilustrasi, nilai yang ditunjukkan adalah berdasarkan jumlah dilindungi sebanyak RM500,000.
- Caj tabarru’ dan caj-caj lain diilustrasikan berdasarkan kadar semasa. Caj-caj ini tidak dijamin dan boleh diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis selama 3 bulan terlebih dahulu kepada anda. Sila rujuk Ilustrasi Manfaat untuk maklumat lanjut.

## 4 Terma Utama Lain

- **Kepentingan untuk membuat pendedahan:** Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan anda dan menyatakan umur dan jantina anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak, atau sijil anda ditamatkan.
- **Nilai tunai:** Nilai tunai produk ini bergantung pada prestasi dana yang anda pilih.
- **Luput:** Sijil anda akan luput apabila nilai akaun anda dalam DPP tidak mencukupi untuk membayar tabarru’. Jika sijil anda luput, anda boleh menghidupkan semula sijil anda dalam tempoh satu tahun selepas ia tamat jika kami bersetuju.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh terma dan syarat utama.

## Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh percubaan:** Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil anda dalam tempoh 15 hari selepas anda menerimanya, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkannya. Kami akan memulangkan yuran wakalah, nilai akaun anda dalam DPP, tabarru’ dan caj perkhidmatan tolak sebarang yuran perubatan yang telah kami bayar.
- **Serahan:** Anda juga boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa selepas tempoh percubaan. Sijil anda akan tamat dan kami akan membayar nilai akaun anda dalam DPP selepas menolak caj penyerahan (jika ada). Anda tidak boleh menghidupkan semula (memulakan semula) sijil anda selepas anda membatalkannya.

**INI ADALAH PRODUK TAKAFUL YANG BERKAITAN DENGAN PRESTASI ASET YANG MENDASAR, DAN BUKAN PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.**

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWDT atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

SAMPLE

## Lampiran

### Definisi Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)

Bagi orang dilindungi di bawah umur 65 tahun (pada hari lahir terakhir) apabila mereka pertama kali mengalami penyakit atau kecederaan:

HUPK bermaksud bahawa orang dilindungi mengalami kehilangan menyeluruh dan kekal:

- penglihatan kedua-dua belah mata;
- melalui pemotongan atau kehilangan kegunaan dua (2) anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki; atau
- penglihatan pada satu (1) mata dan kehilangan menyeluruh dan kekal melalui pemotongan atau kehilangan kegunaan satu (1) anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki.

Jika orang dilindungi bekerja atau terlibat dengan perniagaan atau aktiviti di mana pendapatan, keuntungan, komisen atau pampasan diperolehi pada masa bermulanya HUPK, maksud HUPK termasuk situasi di mana orang dilindungi kekal dan sama sekali tidak dapat melakukan apa-apa kerja, pekerjaan atau profesion untuk menerima pampasan, ganjaran, keuntungan atau perolehan sepanjang hayatnya.

Jika orang dilindungi tidak bekerja atau tidak terlibat dalam sebarang perniagaan atau aktiviti di mana pendapatan, keuntungan, komisen atau pampasan diperolehi pada masa bermulanya HUPK, maksud HUPK juga termasuk situasi di mana orang dilindungi tidak dapat melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada aktiviti-aktiviti kehidupan harian secara berterusan untuk tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan tanpa pertolongan orang lain, penggunaan peralatan mekanikal, alat-alat khas atau bantuan-bantuan atau adaptasi-adaptasi lain.

-

Bagi orang dilindungi di bawah umur 15 tahun (pada hari lahir terakhir) apabila mereka pertama kali mengalami penyakit atau kecederaan:

Jika orang dilindungi berumur bawah lima belas (15) tahun pada tarikh lahir yang terakhir pada masa bermulanya HUPK, maksud HUPK juga termasuk situasi di mana orang dilindungi hilang upaya secara menyeluruh dan kekal dan di bawah jagaan berterusan. Jagaan berterusan bermakna orang dilindungi, sama ada akibat kemalangan atau penyakit, telah disahkan hilang upaya sehingga tahap beliau mesti berkurung di rumah, hospital atau institusi lain untuk menerima jagaan berterusan dan perhatian perubatan untuk tempoh yang berterusan tidak kurang daripada enam (6) bulan.

Untuk tujuan definisi HUPK ini, perkataan “kekal” bermaksud tidak dapat disembuhkan dan disahkan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan.

### Definisi aktiviti kehidupan harian

1. **Pemindahan:** Keupayaan untuk naik atau turun daripada katil atau kerusi tanpa memerlukan pertolongan fizikal daripada orang lain.
2. **Mobiliti:** Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan pertolongan fizikal daripada orang lain.
3. **Penahanan:** Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sukarela fungsi usus dan pundi bagi menjaga kebersihan diri.
4. **Persalinan:** Keupayaan untuk memakai dan membuka semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan pertolongan orang lain.
5. **Mandi/Basuh:** Keupayaan untuk membersihkan diri di dalam tab mandi atau di dalam bilik pancuran air (termasuk keluar atau masuk dari dalam tab mandi atau dari dalam bilik pancuran air) atau membersih dengan lain-lain cara.
6. **Makan:** Semua geraklaku untuk memasukkan makanan ke dalam badan selepas ia disediakan.

### Kondisi penyakit kritikal

1. Serangan jantung
2. Penyakit Alzheimer/demensia teruk
3. Sindrom apalik
4. Meningitis bakteria
5. Tumor otak benign
6. Buta
7. Pembedahan otak
8. Kanser
9. Kardiomiopati
10. Anemia aplastik kronik
11. Koma
12. Penyakit arteri koronari
13. Pekak
14. Ensefalitis
15. Kegagalan hati tahap akhir
16. Penyakit paru-paru tahap akhir
17. Hepatitis viral fulminan
18. Pembedahan injap jantung
19. Jangkitan HIV melalui transfusi darah
20. Kegagalan buah pinggang
21. Kehilangan upaya hidup sendiri (berdikari)
22. Hilang keupayaan bertutur
23. Trauma kepala major (teruk)
24. Transplan organ utama/sumsum tulang
25. Penyakit Sistik Medular
26. Penyakit neuron motor
27. Sklerosis multipel
28. Distrofi otot (selepas umur 12 tahun tarikh hari lahir berikutnya)
29. Kelumpuhan anggota
30. Penyakit Parkinson
31. Poliomielitis
32. Hipertensi arteri pulmonari primer
33. Strok/Angin ahmar
34. Pembedahan aorta
35. Kelecuran tahap ketiga
36. Penyakit terminal (membawa maut)

SAMPLE